Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan bertujuan untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi disediakan bagi pembangunan Kumpulan sambil menguruskan risiko-risiko pengurusannya. Pengurusan risiko-risiko kewangan dilaksanakan melalui penyemakan-penyemakan risiko, sistem-sistem pengawalan dalaman dan mematuhi polisi-polisi pengurusan kewangan risiko Kumpulan yang diluluskan oleh Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 (Akta 258) dan Lembaga Pengarah.

Kumpulan berpegang kepada dasar tidak terlibat dalam urusniaga berbentuk spekulatif, seperti dan bila Kumpulan mengambil transaksi-transaksi yang mempunyai risiko-risiko terdedah yang besar, Kumpulan menilai risiko terdedahnya dan pentingnya meminimumkan risiko terdedah itu diberi perhatian sewajarnya tentang kesediaan dan perbelanjaan instrumen-instrumen untuk meminimumkan risiko terdedah.

Polisi-polisi untuk mengawal risiko-risiko ini apabila bersesuaian dinyatakan seperti berikut:-

(a) Risiko matawang

Matawang yang berfungsi untuk aktiviti-aktiviti operasi Kumpulan adalah Ringgit Malaysia. Kesemua transaksi-transaksi dibayar dalam bentuk matawang tempatan. Pendedahan kepada sebarang risiko-risiko yang muncul daripada pergerakan pertukaran mata wang asing adalah minimum.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan akibat daripada ketidakmampuan pihak-pihak yang mempunyai kontrak dengan pihak Kumpulan. Pendedahan risiko utama Kumpulan adalah terhadap risiko kredit iaitu penghutang perniagaannya.

Kumpulan telah melaksanakan penilaian kredit berterusan terhadap kedudukan kewangan pelanggan mereka. Penilaian kredit telah dibuat terhadap akaun-akaun baru dan penyemakan berterusan keatas baki hutang tertunggak untuk mendapatkan semula hutang pada masanya.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

- (b) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan mengakibatkan:-
- (i) memerlukan pemansuhan hutang lapuk atau peruntukan hutang rugu dibuat dalam penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan tidak mencukupi pada sebarang kadar yang ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang timbul akan mengakibatkan kaedah penilaian aset dan liabiliti yang digunakan oleh Kumpulan dan Yayasan, mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang akan mengakibatkan sebarang amanun yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-
- (i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Yayasan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin terhadap liabiliti orang lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka bagi Kumpulan dan Yayasan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat Ahli Lembaga Pemegang Amanah:-
- (i) tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan (12) selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Kumpulan dan Yayasan untuk memenuhi liabilitinya bila dan apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tidak ada perkara, urusniaga atau hal yang penting dan luarbiasa yang telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015 (SAMB.)

31. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN DAN OBJEKTIF SERTA POLISI RISIKO PENGURUSAN (SAMB.)

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah di mana instrumen kewangan akan berubah akibat dari perubahan pada kadar faedah di pasaran dan kadar faedah efektif purata wajaran berdasarkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kewangan.

(d) Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian hasil dari perubahan nilai pasaran instrumen kewangan yang akan berubah disebabkan perubahan harga-harga pasaran.

Pendedahan utama risiko pasaran Kumpulan adalah mata wang dan kadar faedah yang tidak stabil dan di mana dibincangkan di bawah tajuk utama risiko-risiko berkenaan.

(e) Risiko kecairan dan pengaliran tunai

Kumpulan menguruskan secara aktif profil kematangan hutang, aliran wang tunai dari kegiatan kendalian dan terdapat kemudahan dana untuk memastikan kesemua kehendak unjuran pinjaman dan keperluan dana boleh ditunaikan. Sebahagian daripada objektif pengurusan risiko kecairan yang cermat, Kumpulan memiliki jumlah peiaburan tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja.

32. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Pembentangan penyata kewangan telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan Lembaga Pengarah menurut resolusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan Anggota Lembaga pada tarikh penyata kewangan ini.

33. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan adalah selaras dengan persembahan dan pengkelasan penyata kewangan tahun lepas kecuali seperti yang dinyatakan pada Nota 11 kepada penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
(Untuk makluman pihak pengurusan sahaja)

	Kumpulan		Yayasan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pendapatan				
Dana terikat dilunaskan	16,780	-	16,780	-
Dana wakaf korporat dilunaskan	2,298,923	-	2,298,923	-
Dana wakaf prihatin dilunaskan	58,238	-	58,238	-
Geran mengurus	2,469,840	3,050,000	2,469,840	3,050,000
Geran pembangunan dilunaskan				
- tahun semasa	1,342,356	1,938,046	1,342,356	1,938,046
- terlebih nyata tahun terdahulu	(588,635)	-	(588,635)	-
Hasil jualan runcit	663,356	48,757	-	-
Hasil sumbangan	378,459	370,256	-	-
Kumpulan wang rizab dilunaskan	-	300,000	-	300,000
Perlunasan peruntukan kajian	456,449	-	456,449	-
Tabung penyelenggaraan dilunaskan	32,280	-	32,280	-
Keuntungan pelaburan	61,190	160,610	61,154	160,058
Sewaan	1,339,459	1,089,266	1,339,459	1,089,266
Lain-lain pendapatan	302,594	3,765	198	3,765
	<u>8,831,289</u>	<u>6,960,700</u>	<u>7,487,042</u>	<u>6,541,135</u>
Perbelanjaan dana terikat	16,780	-	16,780	-
Perbelanjaan wakaf korporat	2,298,923	-	2,298,923	-
Perbelanjaan wakaf prihatin	58,238	-	58,238	-
Perbelanjaan pembangunan	753,721	1,938,046	753,721	1,938,046
Perbelanjaan perkhidmatan				
Belanja runcit (<i>Lampiran A</i>)	508,635	27,440	-	-
Belanja geran (<i>Lampiran B</i>)	93,383	-	-	-
Belanja sumbangan (<i>Lampiran B</i>)	368,844	370,256	-	-
Perbelanjaan kajian	456,449	-	456,449	-
Perbelanjaan tabung penyelenggaraan	32,280	-	32,280	-
Perbelanjaan program	<u>4,587,253</u>	<u>2,335,742</u>	<u>3,616,391</u>	<u>1,938,046</u>

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMB.)
(Untuk makluman pihak pengurusan sahaja)

	Kumpulan		Yayasan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Perbelanjaan operasi				
Perbelanjaan hotel:				
Cukai tanah dan taksiran	221,532	84,984	221,532	84,984
Insuran bangunan	24,727	24,727	24,727	24,727
Sewaan hotel	1,000,000	940,000	1,000,000	940,000
	1,246,259	1,049,711	1,246,259	1,049,711
Perbelanjaan mengurus :				
Bekalan dan bahan lain	6,382	23,620	4,493	23,620
Caj bank	2,075	2,897	1,483	2,748
Cenderahati	66,600	-	66,600	-
Cukai perkhidmatan	180	630	-	630
Cukai jalan dan insuran	3,477	5,500	3,477	-
Denda dan saman	-	60	-	60
Elaun ahli lembaga	21,500	19,598	21,500	19,598
Elaun praktikal	6,465	-	6,465	-
Elaun urusetia	13,498	-	-	-
Fi pendaftaran	370	-	-	-
Fi profesional	17,896	-	-	-
Ganjaran juruaudit:				
- tahun semasa	17,500	15,200	12,500	12,500
- terkurang nyata tahun terdahulu	16,940	-	16,940	-
Ganjaran pengarah	4,350	2,500	-	-
Kawalan serangga	150	-	-	-
Keraian, hospitaliti dan honorarium	28,746	84,291	28,746	84,291
Kos kakitangan:				
- gaji dan upah	1,497,467	1,080,321	1,294,388	1,040,158 *
- sumbangan berkanun	205,116	165,808	174,443	158,619 *
- bayaran lebih masa	28,208	15,731	12,307	12,390 *
- insuran	3,505	-	3,505	- *
- faedah kewangan kakitangan	38,500	46,665	38,500	46,665 *
Kursus dan seminar	11,851	6,125	872	6,125
Lesen dan permit	1,865	1,360	1,360	1,360
	1,992,641	1,470,306	1,687,579	1,408,764

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMB.)
(Untuk makluman pihak pengurusan sahaja)

	Kumpulan 2015 RM	2014 RM	Yayasan 2015 RM	2014 RM
Perbelanjaan operasi (Samb.)				
Perbelanjaan mengurus (Samb.):				
Baki bawa dari hadapan	1,992,641	1,470,306	1,687,579	1,408,764
Pakaian seragam	7,792	3,840	7,792	1,740
Pembersihan pejabat	19,250	25,750	19,250	25,750
Perbelanjaan buka akaun wakaf prihatin dan korporat	2,000	-	2,000	-
Pembungkusan	2,974	61	-	-
Pengangkutan	41,539	75,552	41,539	75,552
Penyelenggaraan	61,418	45,357	56,099	42,864
Perbelanjaan makan dan minum	7,859	17,326	6,927	12,981
Perjalanan dan penginapan	68,870	109,744	55,968	109,162
Perkhidmatan pencetakan dan alat tulis	49,586	208,780	45,260	206,932
Perubatan	28,930	1,516	27,715	1,516
Petrol, tol dan parkir	24,922	16,839	24,916	16,839
Pos dan kurier	4,783	5,803	4,783	5,803
Promosi dan pengiklanan	750,616	1,138,231	850,616	1,138,231
Rugi atas kehilangan tunai	848	-	-	-
Setem duti	1,851	-	1,303	-
Sewaan:				
- pejabat	225,680	160,200	169,680	156,200
- alatan pejabat	13,920	15,776	13,920	15,776
- kios	27,300	-	27,300	-
Surat khabar dan majalah	3,371	2,867	3,371	2,867
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	103,697	126,156	73,999	118,993
Telefon, internet dan faksimili	36,685	37,957	34,248	37,957
Utiliti	93,362	37,373	45,401	36,862
Yuran perakaunan	1,980	2,566	480	-
Yuran percukaian:				
- tahun semasa	4,500	4,200	3,000	3,000
- terkurang nyata tahun terdahulu	3,300	-	-	-
	3,579,674	3,506,200	3,203,146	3,417,789

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMB.)
(Untuk makluman pihak pengurusan sahaja)

	Kumpulan		Yayasan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Perbelanjaan operasi (Samb.)				
Perbelanjaan mengurus (Samb.):				
Baki bawa dari hadapan	3,579,674	3,506,200	3,203,146	3,417,789
Yuran perundangan	-	11,050	-	11,050
Yuran setiausaha	2,471	2,990	-	-
	<u>3,582,145</u>	<u>3,520,240</u>	<u>3,203,146</u>	<u>3,428,839</u>
Jumlah belanja operasi	<u>4,828,404</u>	<u>4,569,951</u>	<u>4,449,405</u>	<u>4,478,550</u>
Jumlah perbelanjaan	9,415,657	6,905,693	8,065,796	6,416,596
(Kurangan)/lebihan pendapatan tahun semasa	<u>(584,368)</u>	<u>55,007</u>	<u>(578,754)</u>	<u>124,539</u>

* Kos kakitangan : Kumpulan **RM1,820,597** (2014: RM1,362,425)
: Yayasan **RM1,523,143** (2014: RM1,257,832)

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMB.)
(Untuk makluman pihak pengurusan sahaja)

LAMPIRAN A

	Kumpulan	
	2015 RM	2014 RM
Belanja runcit		
Induk:		
Belian barang	66	5,290
Wakaf Mart:		
Belian barang	459,823	20,025
Tolak: Pulangan belian	(11,804)	(304)
	<u>448,019</u>	<u>19,721</u>
Kios cenderahati:		
Stok awal	8,871	-
Belian barang	58,998	11,300
Tolak: Stok akhir	(7,319)	(8,871)
	<u>60,550</u>	<u>2,429</u>
Jumlah keseluruhan	508,635	27,440

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMB.)
(Untuk makluman pihak pengurusan sahaja)

LAMPIRAN B

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM	RM
Belanja geran		
Induk:		
Kos penerbitan dan percetakan	<u>93,383</u>	-
Belanja sumbangan		
Akademi Kulinari Terengganu:		
Bahan latihan	32,939	73,162
Belanja keselamatan	55,638	56,033
Belanja minuman	<u>146,465</u>	120,253
Belanja keraian pejabat	6,909	3,216
Belanja pengangkutan, perjalanan dan penginapan	1,806	-
Belanja peralatan pejabat	4,266	3,412
Belanja percetakan dan alatulis	8,012	81
Caj bank	(55)	35
Elaun mesyuarat	2,500	-
Elaun pengurusan	<u>16,130</u>	-
Kos kakitangan (Pengurusan Akademi):		
- gaji dan elauun	41,581	47,429 *
- KWSP dan Perkeso	6,220	6,471 *
Pakaian seragam	10,979	9,453
Pelbagai belanja	10,844	-
Penyelenggaraan alatan pejabat dan komputer	2,115	2,064
Penyelenggaraan bangunan	802	1,275
Penyelenggaraan perabot dan lengkap	2,365	7,038
Sewa mesin fotostat	1,510	-
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	47	-
Utiliti	<u>27,386</u>	19,126
	<u>378,459</u>	349,048
Wakaf Mart:		
Stok awal	140,142	-
Belian barang	-	155,000
Tolak: Stok akhir	<u>(149,757)</u>	<u>(140,142)</u>
	<u>(9,615)</u>	14,858
Utiliti	-	6,350
	<u>(9,615)</u>	21,208
Jumlah keseluruhan	<u>462,227</u>	370,256

JURUAUDIT

Juruaudit, AZHAR NORIZA ZAINUDDIN telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan,


YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B)

Pengerusi


DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD

Naib Pengerusi

Putrajaya, Malaysia

Tarikh : 17 JUN 2016

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Kami, YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B) dan DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD, dua daripada Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, pernyata kewangan yang disertakan adalah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] dan piawaian-piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia untuk Entiti Persendirian, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan:-

- (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Yayasan pada 31 Disember 2015 dan keputusan operasi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) aliran tunai Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan,


YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ BAHAROM (B)
Pengerusi


DATUK HAJI ANAN BIN C. MOHD
Naib Pengerusi


Putrajaya, Malaysia

Tarikh : 17 JUN 2016

PENGAKUAN BERKANUN

Saya, DATO' PROF. DR. SUDIN HARON, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya menyatakan bahawa pernyataan kewangan yang disertakan, pada pendapat saya adalah benar, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya
oleh penama di atas di Kuala Lumpur di Wilayah
Persekutuan pada }
17 JUN 2016 }



DATO' PROF. DR. SUDIN HARON

Di hadapan saya,


Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur, Malaysia



NO. 57-2, JALAN WANGSA DELIMA 5
PUSAT BANDAR WANGSA MAJU (KLSC)
53300 KUALA LUMPUR

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI YAYASAN WAQAF MALAYSIA

Laporan terhadap penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan YAYASAN WAQAF MALAYSIA, yang terdiri daripada lembaran imbalan Kumpulan dan Yayasan pada tarikh 31 Disember 2015, berserta penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan berakhir, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting serta nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan di muka surat 9 hingga 39.

Tanggungjawab Pemegang Amanah Yayasan terhadap penyata kewangan

Para Pemegang Amanah Yayasan bertanggungjawab dalam penyediaan serta persesembahan yang saksama ke atas penyata kewangan tersebut bersesuaian dengan Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 (Akta 258). Tanggungjawab ini termasuk: merancang, melaksana, dan menyelia kawalan dalaman Yayasan yang berhubung dengan penyediaan dan persesembahan penyata kewangan yang saksama dan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan; pemilihan dan penggunaan piawaian polisi perakaunan yang sesuai; dan anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk mengemukakan pendapat kami berdasarkan audit kami terhadap penyata kewangan. Kami melaksanakan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mengikut garis panduan yang beretika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit atas jumlah dan penyataan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian terhadap risiko penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan. Dalam menjalankan penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman Yayasan yang berhubung dengan penyediaan dan persesembahan saksama penyata kewangan untuk merancang prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan-keadaan tertentu, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap tahap keberkesanan kawalan dalaman Yayasan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian penggunaan prinsip perakaunan yang sesuai dan kewajaran anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh lembaga pengarah, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara menyeluruh.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah cukup dan sesuai untuk memberi asas bagi pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya bersesuaian dengan Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Yayasan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir tersebut.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
YAYASAN WAQAF MALAYSIA (SAMB.)**


Laporan terhadap urusan perundangan dan badan berkanun lain

Sejajar dengan keperluan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258], di Malaysia, kami juga membuat laporan perkara-perkara berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Yayasan dan subsidiari yang diaudit oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Yayasan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit terhadap penyata kewangan subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Hal-hal lain

Laporan ini bertujuan hanya untuk pemegang-pemegang amanah, sebagai sebuah badan, menurut peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas kandungan laporan ini kepada mana-mana pihak lain.



AZHAR NORIZA ZAINUDDIN
[AF : 001865]
Akauntan Bertauliah (Malaysia)



NORIZA BINTI ZAINUDDIN
Akauntan Bertauliah
[2224/03/18 (J)]
Rakan Kongsi Firma

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh : 17 JUN 2016



Info Wakaf

PENGERTIAN

Dari sudut bahasa, wakaf berasal daripada perkataan Arab 'waqf', iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*, yang bermaksud, berhenti, menahan atau menegah.

Manakala dari sudut syara', wakaf ialah sebarang harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah ﷺ oleh pewakaf. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta tanah wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan.

DALIL PENSYARIATAN

Firman Allah ﷺ dalam surah Al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud:

"Bandingan pahala orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah umpama sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai itu ada seratus biji dan Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki dan Allah Maha Luas (kurnianya-Nya) lagi Maha Mengetahuinya."

Firman Allah ﷺ dalam surah Ali-Imran ayat 92 yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Mengetahuinya."

Daripada Abu Hurairah ؓ, sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

"Apabila mati anak Adam, akan terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakan." (Riwayat Muslim)

Merupakan skim wakaf yang kumpulan dananya melebihi RM50 juta, disumbangkan oleh pelbagai pihak, diuruskan oleh badan yang diiktiraf sah oleh MAIN di Malaysia. Dana digunakan untuk mewujud dan membangunkan aset kekal di mana manfaatnya boleh disalurkan atau membantu kepada permulaan dan peningkatan aktiviti ekonomi atau sosial ummah.

RUKUN DAN SYARAT WAKAF

RUKUN	SYARAT
Pewakaf (<i>al-waqif</i>)	<ul style="list-style-type: none">▪ Berakal dan baligh▪ Mampu menguruskan harta sendiri▪ Tidak muflis▪ Pewakaf yang sakit tenat (membawa maut) boleh mewakafkan hartanya tidak lebih daripada 1/3▪ Secara sukarela▪ Berwakaf secara wasiat tertakluk kepada hukum wasiat
Harta yang diwakafkan (<i>al-mawquf</i>)	<ul style="list-style-type: none">▪ Harta yang halal dan boleh diambil manfaatnya (Contoh: tanah, bangunan, saham)▪ Milik penuh pewakaf dan bukan harta orang lain▪ Ditentukan secara jelas (<i>Ta'yin</i>)▪ Boleh diambil manfaat secara berterusan▪ Boleh dipindah milik
Penerima manfaat wakaf (<i>al-mawquf 'alaiah</i>)	<ul style="list-style-type: none">▪ Orang Islam▪ Orang Kafir selain daripada kafir Harbi (yang memerangi perintah Islam)
Penyataan wakaf atau ikrar (<i>al-sighah</i>)	<ul style="list-style-type: none">▪ Lafaz yang jelas

KATEGORI WAKAF

❖ **WAKAF KELUARGA (AHLI)**

Wakaf ini dikhatuskan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunannya seperti yang ditentukan oleh pewakaf.

❖ **WAKAF KEBAJIKAN (KHAIRI)**

Digunakan bagi tujuan kebajikan semata-mata. Terbahagi kepada dua iaitu:


- I. **WAKAF AM:** Digunakan bagi tujuan umum dan tiada syarat ditetapkan oleh pewakaf; dan
- II. **WAKAF KHAS:** Digunakan bagi tujuan khusus dengan maksud tertentu yang ditetapkan oleh pewakaf.

PENGKORPORATAN WAKAF

DEFINISI

Merupakan skim wakaf yang kumpulan dananya melebihi RM50 juta, disumbangkan oleh pelbagai pihak, diuruskan oleh badan yang diiktiraf sah oleh MAIN di Malaysia. Dana digunakan untuk mewujud dan membangunkan aset kekal di mana manfaatnya boleh disalurkan atau membantu kepada permulaan dan peningkatan aktiviti ekonomi atau sosial ummah.

PRODUK-PRODUK WAKAF YANG DILAKSANAKAN OLEH YWM





Keratan Akhbar



Anak-anak asnaf negeri lain boleh sertai pengajian

AKT tawar program

Oleh ISWAN SHAFIQ MAT ISA
dengan ciptaan sendiri

■ KUALA TERENGGANU 24 JAN.

AKADEMI Kultimi Terengganu (AKT) yang merupakan kursus kerohanian kepada anak-anak asnaf negeri ini sejak 2012 akan membuka pengambilan kepada pelatih lebar yang tergolong dalam kategori itu mulai sesi depan.

Sesetengah itu, pihak-pihak berada agama negeri yang berkacau untuk mengintari pelatih mereka ke AKT boleh berbuat dengan meresensi dan calak negeri masing-masing.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), Prof Dato' Dr. Sudin Harun berkata, pengambilan pelatih lebar itu sebagai bukti komitmen berterusan pihaknya dengan bersama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dalam membangunkan program berkaitan wakaf kerohanian di negeri ini.

"Pada dasarnya, kita telah serius untuk membuka pengambilan

lebar selepas empat kumpulan pertama (pengambilan) ini. Lebih-lebih lagi akan meningkatkan proses pengambilan dari pada 40 kepada 80 orang dalam sesi akhirnya," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam satu sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Graduation AKT kali ke-2 di sini hari ini.

Hadir sama Yang Dipertua MAIDAM, Datuk Sheikh Harun Shalih Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif GiatMara, Datuk Mohd Roodi Ismail.

Dalam majlis itu, seramai 39 pelatih memperoleh Sijil Profesional GiatMara selepas mengikuti latihan kecemerlangan dalam bidang pembuatan kuih dan kuih-muih selama enam bulan dan kemudiannya menjalani batihan industri selama tiga bulan.

Sementara itu, Sudin berkata, YWM dan MAIDAM juga kini dalam perundingan untuk membangunkan kompleks asrama pelajar lebih selesa di atas tanah milik MAIDAM iaitu bersebelahan AKT yang terletak di Putra Kerengga Marang.

"Selain itu, bagi meningkatkan minat dan memperkenalkan produk seluaran AKT, sebuah kafe juga kini sedang dibangunkan berselahan bangunan akademik (AKT) menentu peruntukan Sojot 2013 YWM yang berjumlah RM400,000," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Rosli membentahu, GiatMara yang bertindak sebagai pelibat teknologi pengajar untuk akademik tersebut rancangan bila kerjasama yang terjalin itu dan berharap dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Akademi ini telah berlaju melemping 120 peserta sejak 2012 dan berasaskan 85 peratus daripadanya mereka dapat diberikan dalam bidang pekerjaan temasya dengan syarikat-syarikat swasta."

"Adi yang berpolihang menyambung pengajian masing-masing ke peringkat lebih tinggi manakala 15 peratus lagi menjadi usahawan sebab sahaja memahaman pengajar masing-masing serta dengan pengalaman yang ditimba," katanya.



PAHLAK graduan genjah selepas menerima sijil masing-masing dalam Majlis Graduasi Akademi Kultimi Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

Wakaf foundation gets RM50m boost

START-UP FUND: It is to allow for roll-out of programmes to boost economy, says Najib

AZURA ABAS
AND KOK KYE LEE
PUTRAJAYA
www.nst.com.my

THE Bumiputera Economic Council (MEC) has allocated a RM50-million start-up fund for the Malaysian Wakaf Foundation (YWM).

This was announced by Prime Minister Dato' Seri Najib Razak after chairing MEC's first meeting of the year yesterday.

The start-up fund will allow the foundation to roll out its programmes to boost the economy and promote wakaf from this year to 2019.

Wakaf is an endowment made by Muslims to religious, educational and charitable causes, while corporate wakaf is fast becoming an emerging model to mobilise cash wakaf of private corporations for the best use and maximum benefit.

To optimise the value and benefit of such finance assets, such as properties, for Muslim Bumiputeras, YWM has been turned into a corporate wakaf entity.

Two years ago, the foundation was tasked with formulating the Corporate Wakaf Master Plan. YWM has proposed the establishment of a wholly owned subsidiary to con-



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin (right) with some of the winners of the Superb grant in Putrajaya yesterday. *Bernama pic*

duct business and undertake sustainable investments.

Najib said MEC had also agreed that the Bumiputera Steering Unit, or Sepurb, would allocate RM15 million to the Sabah Bumiputera Economic Council to fund its capacity-building programmes and entrepreneurs for this year.

As for young Bumiputera vying to start businesses, he said, the council had given the go-ahead to release a RM3-million grant to 26 winners of the third and fourth series of the Bumiputera Entrepreneur Initiative Scheme (Sepurb).

Najib, who was accompanied by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and Minister in

the Prime Minister's Department Danai Seri Abdul Wahid Othman, presented the grant to the winners.

One of the winners was Klinik Penggila Astma PJT, which aims to create a spa-like atmosphere in its dental clinic to soothe the nerves of patients.

The scheme was launched more than a year ago and its goal is to help Bumiputera start-up companies of young entrepreneurs with creative and innovative business ideas. A total of RM100 million has been allocated for Sepurb and it is bound to produce between 200 and 300 entrepreneurs in three years, said Najib.

He said the recent floods, the worst in decades, had prompted

the government to discuss measures to help affected businesses.

He said the situation faced by traders and entrepreneurs affected by the disaster was brought up in the meeting.

"They are in dire need of help to rescue and rebuild their businesses."

Najib said the government would assess and compile the damage suffered by the traders. He said businesses, including companies that received facilitation funds from the government, would be identified.

"Once we have received a comprehensive picture of the situation, the government can decide on the mode of aid to be given."

Dana RM78j perkasa ekonomi bumiputera

PUTRAJAYA 13 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan beberapa agenda bagi memperkaskan ekonomi bumiputera dengan menyediakan peruntukan dana dan geran sebanyak RM78 juta pada tahun ini.

Beliau berkata, menerusi inisiatif tersebut, dana permulaan sebanyak RM50 juta akan disalurkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia untuk melancarkan program peningkatan ekonomi dan pembudayaan wakaf bagi tempoh empat tahun sehingga 2019.

Menurut beliau, pada masa sama, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) akan menyediakan RM15 juta kepada Jawatankuasa Khas Majlis Ekonomi Bumiputera Sabah bagi melaksanakan program pembangunan kapasiti dan pembinaan keusahawanan untuk tahun ini.

"Selain itu, kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM13 juta kepada 26 orang pemimpin Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) bagi siri ketiga dan keempat untuk tahun 2014.

"Kalau kita mengambil kira jumlah yang berjaya dari siri satu hingga keempat, sebanyak 54 usahawan dipilih dan jumlah yang memohon agak ramai, bagaimanapun faktor kejayaan hanya 1.5 peratus sahaja. Ini bererti mereka yang berjaya

boleh dianggap sebagai terbaik dan diharap menjadi pemangkin serta pencetus kepada usahawan bumiputera baru," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat majlis ekonomi bumiputera dan mengumumkan pemenang Superb Bi-zPitch siri ketiga dan keempat 2014 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Husni Salleh.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan senarai 26 pemenang Superb bagi siri ketiga dan keempat akan menerima geran berjumlah RM500,000 bagi mengembangkan perniagaan masing-masing.

Najib berkata, kerajaan berhasrat mewujudkan sebanyak 200 hingga 300 usahawan bumiputera dalam tempoh tiga tahun menerusi program Superb.

"Sejak program itu diadakan pada tahun pertama, lebih 4,000 usahawan bumiputera di seluruh negara telah memohon menyerah-tanya," jelasnya.

Pada masa sama, beliau turut menggesa syarikat lain seperti Perbadanan Usahawan Nasional Ber-

had (PUNB) dan agensi pemberi dana lain memberi bantuan kepada peserta yang tidak berjaya dengan menyediakan program lain.

Sementara itu katanya, dalam mesyuarat tersebut kerajaan juga membincangkan kedudukan penilaian dan usahawan yang terlibat dalam banjir besar baru-baru ini untuk diberikan pertolongan bagi memulihkan perniagaan masing-masing.

Beliau berkata, satu langkah akan diambil bagi membantu semua jenis perniagaan yang terlibat, tidak kira sama ada perniagaan tersebut merupakan syarikat teras atau penerima pemudah cara dari kerajaan.

"Mereka semua ini memerlukan pertolongan daripada kerajaan untuk memulih dan menyambung semula perniagaan masing-masing. Sehubungan itu, satu langkah akan diambil iaitu semua jenis perniagaan yang terlibat bukan saja syarikat teras dan penerima pemudah cara dana daripada kerajaan termasuk peruncit dan peniaga warung yang memerlukan pertolongan, perlu kita senaraikan."

"Selepas mendapat gambaran secara komprehensif, kerajaan boleh menentukan apa bentuk pertolongan yang hendak diberikan khusus kepada golongan peniaga," katanya.

WAKAF KORPORAT

■ Projek membangunkan tanah di Malaysia menunjukkan potensi besar maju ekonomi Muslim

Oleh Hafiz Idris
halodrivingmediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Laporan mengenai projek membangunkan tanah wakaf di Malaysia layak menunjukkan potensi besar dalam memajukan ekonomi masyarakat terutama umat Islam.

Pada masa sama persepsi mewakafkan tanah pada hari ini juga semakin berubah berbanding sebelum ini yang sering mengaitkan istilah wakaf dengan menyedekahkan aset untuk pembangunan masjid atau tanah per-kuburan.

Sejak tahun lalu, wakaf korporat semakin menjadi perhatian apabila pelbagai pihak mewaralkannya sebagai medium yang membolehkan tanah wakaf menjadi satu instrumen penjanaan ekonomi masyarakat setempat yang bukan tertumpu kepada pulangan keuntungan tunai, malah memberi perluang dari pelbagai aspek lain antaranya pekerjaan, kebijakan kesihatan dan pendidikan.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) Datuk Prof Sudin Haron (*gambar*) berkata, wakaf di Malaysia diuruskan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri dan segala urusan bagi mewaikafkan tanah atau membangunkannya perlu men-

dapat persetujuan pihak berkenaan memandangkan ia pemegang amanah utama.

Beliau berkata, wakaf korporat adalah satu kaedah pengumpulan dana daripada masyarakat sama ada orang ramai atau syarikat perniagaan otonomi atau badan yang mendapat pengiktirafan semula Majlis Agama Islam di Malaysia serta jumlah dana mesti tidak kurang RM50 juta.

"Dana yang dikumpul itu akan ditukar dalam bentuk harta kekal yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat semula antaranya pembangunan projek premis perniagaan, hotel atau hospital.

"Di Malaysia, berdasarkan kutipan data rasmi daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri kelepasan tanah wakaf dianggarkan sekitar 30,000 hektar dengan hanya 10 peratus daripada keluasan tanah tersebut telah dibangunkan. Ini menunjukkan harta ini mempunyai potensi besar untuk dibangunkan," katanya.

Pada 14 September 2013, kerajaan memperuntukkan RM50 juta kepada YWM untuk melancarkan program peningkatan ekonomi dan pembu-

yaan wakaf bagi tempoh empat tahun, mulai tahun 2015 sehingga 2019.

Menerusi peruntukan itu, YWM bersama-sama dengan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia akan membangunkan beberapa projek komersial antaranya rumah kedai, pembinaan hospital, hotel dan resort, perladangan serta tapak perindustrian.

Sudin berkata, penggunaan sesuatu tanah wakaf bergantung kepada lafaz pewakaf iaitu sama ada wakaf khas (pewakaf menyatakan secara khusus tujuan pewakafan) atau wakaf am.

"Sekiranya ia adalah wakaf khas, pentadbir atau mutawalli wajib menguruskan tanah wakaf tersebut menurut lafaz yang dinyatakan.

"Sekiranya pewakaf tidak menyatakan secara khusus atau pun berwakaf untuk tujuan wakaf am, pentadbir boleh menggunakan tanah wakaf tersebut bagi apa jua tujuan yang mematuhi prinsip syariah asalkan iaanya bermanfaat kepada masyarakat," katanya.

Legi berita di muka 57



OKU berjaya tamat kursus kulinari

Sinar Harian - 31/1/2015

KUALA TERENGGANU

- Dilahirkan tanpa deria pendengaran tidak pernah mematahkan semangat Norhayati Mohamad, 21 untuk mencipta kejayaan dalam hidup.

Minatnya pada aktiviti memasak yang mendalam membuatkan dia nekad mengikuti kursus kulinari di Akademi Kulinari Terengganu (AKT).

Ternyata kebolehannya menggamit kekaguman semua orang apabila dia berjaya menamatkan kursus selama enam bulan hasil tunjuk ajar tenaga pengajar dan bimbingan rakan yang tidak pernah jemu.

Walaupun bergelar OKU namun sikapnya yang mudah mesra dan menyenangkan hati semua orang membuatkan anak ketiga daripada empat beradik itu diberi anugerah khas, sebagai pelajar popular di akademi tersebut.

Dia yang dibantu kakaknya Noorhamiza, 29, yang juga merupakan guru pendidikan khas, sepanjang ditemubual berkata, tiada masalah untuk mengikuti latihan tersebut malah kawan banyak memberikan tunjuk ajar selain tenaga pengajar.

"Saya memang suka melihat orang memasak. Jadi dengan adanya Akademi Kulinari

ini, saya manfaatkannya untuk menambah ilmu dan kemahiran.

"Permintaan untuk belajar di sini juga disokong ahli keluarga jadi saya terus mencuba dan akhirnya berjaya menamatkan latihan," katanya yang berasal dari Dungun.

Sementara ibunya, Zawiah Ab Ghani, 54, yang merupakan bekas kakitangan sebuah bank berkata, anaknya itu sejak lahir telah mengalami masalah pendengaran yang serius dan tidak boleh mendengar.

Dengan kekurangan dirinya itu, kata Zawiah, anaknya mengalami kesukaran untuk berjaya dalam bidang akademik dan apabila dia menyatakan hasrat untuk mengikuti

“Permintaan untuk belajar”

di sini juga disokong ahli keluarga jadi saya terus mencuba dan akhirnya berjaya menamatkan latihan.”

- Norhayati

latihan dalam bidang kulinari mereka sekeluarga memberi sokongan penuh.

"Kami membantu segala yang diperlukan apatah lagi kini dia berhasrat untuk memiliki kedai sendiri," katanya.

Selain Norhayati, 39 peserta lagi turut berjaya menamatkan latihan di akademi berkenaan.



Norhayati (tengah) menunjukkan sijil yang diperoleh kepada ibunya, Zawiah dan kakaknya, Noorhamiza.

Pastikan umat Islam tidak tersisih

YWM perkenalkan wakaf tunai, tingkatkan pemilikan aset bernilai tinggi untuk kepentingan umat

SEGAMAT – Amalan wakaf tunai yang dilaksanakan Yaysasan Waqaf Malaysia (YWM) diilah sebagai satu alternatif yang berapaya meningkatkan pemilikan dan meningkatkan aset bernilai tinggi untuk kepentingan umat Islam di negara ini.

Disebut Kanan Bahagian Perasuruan dan Penyelaras YWM, Haidatul Azia Husin berkata, melalui pengumpulan wakaf secara tunai, pihak berwajib boleh menggunakan aset untuk pembelian aset khalal seperti harta tanah untuk kegunaan orang Islam.

"Aset khalal yang dibeli itu seterusnya akan dibangunkan menjadi prastrana seperti kedai dan mungkin ruang nizam khasusnya untuk kegunaan orang Islam."

Beliau ditemui selepas Seminar Pembodongan Wakaf anjuran bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Perlindungan Dalam Komuniti (PDK) Sayangku di Taman Yaysasan, dekat sini.

Turut hadir Pegawai IKM Segamat, Anshary Matarsid,

perusahaan kecil bermula dari bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka dan pada masa sama bersosial dengan kaum lain.

"Ketika ini, pemilikan dan harta tanah di Malaysia tetapi mahal dan sukar, sehingga umat Islam tersisih dari arus pembangunan moden. Kaedah secara wakaf tunai ini boleh dijadikan satu cara meresolusikan masalah tersebut," katanya.

Beliau ditemui selepas Seminar Pembodongan Wakaf anjuran bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Perlindungan Dalam Komuniti (PDK) Sayangku di Taman Yaysasan, dekat sini.

Turut hadir Pegawai IKM Segamat, Anshary Matarsid,



Haidatul Azia (kanan) menerima cenderamata daripada Jaafar, Naib Pengurus PDK Sayangku, Jazirah Ahmad dan Pengurus PDK Dun Permasis, Zahira Yahya.

Menurutnya, wakaf secara tunai yang terkumpul ini membolehkan YWM, jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (jawhar)

dan Majlis Agama Islam Negeri membangunkan projek berimpak besar.

"Projek yang dilaksanakan itu pada masa sama memberi kemudahan kepada orang ramai, menaikkan pendaranan semula serta pemilikan aset oleh orang Islam kerana wakaf adalah satu institusi yang telah sebat dengan penggalan agama masyarakat Islam di Malaysia."

"Melaku wakaf tunai ini, kita hanya mencipta wang tunai untuk divarkan yang kemudian wakaf tersebut dikumpulkan dalam satu ribung amalan di bawah pengurusan nazir yang diamanahkan, bagi tujuan membayai aktiviti kebajikan dan amal," katanya.

Menurutnya, kaedah wa-

kaf tunai ini masih lagi baharu dan kurang disedari oleh orang ramai, dan sebenarnya ia boleh memudahkan semua orang untuk berwakaf berbanding wakaf harta, yang mana tidak semata orang memiliki aset dan harta seperti hartanah.

Katanya, kaedah berwakaf secara tunai kurang meluas ketika ini hanya kerana 3.000 pesawat pesendirian yang direkodkan, marilah bagi sektor korporat masih kurang mendapat sambutan.

"Apabila penting meskipun kita mampu menyediakan dana bagi membela atau membangunkan aset di kawasan tumpuan sekali gus menaikkan ekonomi negara dengan merebut lek-kek ekonomi yang disedarkan," katanya.